

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)59**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

59. Projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (a) Nyatakan status dan perkembangan setakat ini.
  - (b) Bilakah projek ini dijangka siap?
  - (c) Berapakah kos keseluruhan projek ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

59. (a) Kerja-kerja bagi projek menaiktaraf dan pembesaran LTAPP telah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang telah dirancang ('on track').

Setakat 12 April 2025, kerja-kerja pembinaan dibahagikan kepada 3 pakej kerja dengan status terkini seperti berikut:

- (i) Pakej 1 '*Enabling Works*' meliputi kerja infrastruktur dan juga pembinaan bangunan sokongan seperti pejabat Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

dan Meteorologi Malaysia. Kontraktor bagi pakej ini telah dilantik dan telah memulakan kerja di tapak pada 30 Julai 2024 dengan kemajuan kerja semasa sebanyak 36%;

(ii) Pakej 2 pula merangkumi kerja '*Pavement*' bagi pembesaran kawasan parkir pesawat. Kontraktor juga telah dilantik, tarikh mula di tapak pada 2 Januari 2025 dengan status kemajuan semasa sebanyak 3%; dan

(iii) Pakej 3 yang merupakan pakej terbesar bagi projek ini melibatkan pembesaran bangunan terminal, parkir kenderaan awam, dan juga kerja infrastruktur. Pada waktu ini, pihak MAHB kini sedang dalam proses penyediaan dan mengemaskini dokumen tender.

(b) Projek ini dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir Jun 2028.

(c) Anggaran kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM1.55 bilion.